



PERBADANAN ASET KERETAPI
(KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. RAC mempelawa calon-calon warganegara yang berkelayakan dalam bidang berkaitan dan boleh bekerja dengan pengawasan minimum dipelawa untuk memohon pengisian bagi jawatan tersebut di:

BIL	JAWATAN	GED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Akauntan	WA44	1	Kontrak

Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Dan Professional
Jadual Gaji	: Gaji Minimum Gaji Maksimum RM 3,600.00 RM 10,456.00
Elaun	: Imbuhan Tetap Perumahan RM400.00 Imbuhan Tetap Keraian RM400.00 Bantuan Sara Hidup RM300.00
Kenaikan Gaji Tahunan	: RM250.00

Syarat Lantikan Wajib:

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia; dan
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii. **Kelayakan Masuk** : Ijazah Sarjana Muda
- iii. **Bidang/Kelayakan Khusus** : Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang iktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iv. **Syarat Lantikan Tambahan** :
 - Memiliki Ijazah dalam Perakaunan atau setaraf dengannya;
 - Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli MIA atau Ahli MIA
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan perakaunan;
 - Mempunyai kemahiran professional dalam penulisan pelaporan dan pertuturan serta kemahiran interpersonal;
 - Mempunyai kemahiran analitikal, merancang dan menyelesaikan masalah berkaitan pengurusan kewangan
- v. **Syarat Bahasa Melayu** : Kepujian di peringkat SPM/SVM
- vi. **Gaji Permulaan** : WA44 : RM3,600.00



Deskripsi Tugas

- i. Menyediakan kertas mesyuarat permohonan bajet tahunan untuk pembentangan dan kelulusan Lembaga Pengarah RAC;
- ii. Merancang, memperaku, menyelaras, dan menguruskan urusan berkaitan terimaan hasil langsung dan tidak langsung RAC;
- iii. Mengurus, menyelaras, dan memantau urusan pengurusan pembayaran dan belanja RAC;
- iv. Memantau, menyemak, mengesahkan dan menyediakan penyata kewangan RAC.

2. CARA MEMOHON

Pemohon yang berminat hendaklah menggunakan borang RAC/BPJ/1/2018 yang boleh didapati di laman sesawang (website) <http://www.rac.gov.my>

Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah ditulis disudut atas sebelah kiri sampul surat nama jawatan yang dimohon.

3. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada

**Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi
Bahagian Khidmat Pengurusan,
No.29G, Blok B, Jln TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang, Selangor**

4. Tarikh tutup permohonan : 16 Julai 2019 (Selasa)

5. Dokumen-dokumen yang dikehendaki:

- i. Salinan Kad Pengenalan;
- ii. Salinan Surat Beranak;
- iii. Salinan Sijil Pendidikan Malaysia dan sijil berhenti sekolah;
- iv. Salinan sijil-sijil pendidikan dan sijil berkaitan; serta
- v. Sekeping gambar berukuran passport yang terbaru
(Sila pastikan dokumen-dokumen berkaitan diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional atau mana pegawai-pegawai yang sama taraf diberi tauliah yang boleh mengesahkan dokumen-dokumen di atas)

6. Permohonan Yang Akan Ditolak

- i. Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan di para 5;
- ii. Tidak lengkap atau tidak terang;
- iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iv. Tidak tulis nombor kad pengenalan;
- v. Tidak ditandatangani oleh pemohon; dan
- vi. Permohonan yang lewat dari tarikh tutup permohonan.

7. Catatan Am

Hanya permohonan yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Calon-calon yang berjaya dipanggil temuduga akan dimaklumkan melalui surat panggilan temuduga, emel atau telefon; dan

Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.